

UMP tingkatkan kesedaran bahaya asbestos

KUANTAN 14 Nov. - Sekolah Kebangsaan (SK) Indera Shahbandar di Pekan, dekat sini dipilih menjayakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Rasa Kasih Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan syarikat dari Jepun, Eco24 menerusi kerja-kerja berkaitan menyapu bahan lapisan pelindung atau *coating* pada atap asbestos di sekolah tersebut, baru-baru ini.

SK Indera Shahbandar adalah sekolah pertama yang dipilih menerima sumbangan Eco24 dalam bentuk material *coating* yang digunakan untuk menyalut atap asbestos tersebut.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yusarie Zainuddin berkata, kerjasama antara UMP dan Eco24 terjalin sejak tahun

lalu apabila syarikat berkenaan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam penyelidikan *coating* dengan mendermakan material serta geran penyelidikan berjumlah RM1.3 juta kepada universiti tersebut.

"Menerusi program CSR Rasa Kasih UMP-Eco24 ini, murid SK Indera Shahbandar dan mahasiswa UMP dapat didedahkan tentang bahaya asbestos terhadap kesihatan.

"Pendedahan kepada partikel asbestos boleh menyebabkan risiko mendapat penyakit seperti mesothelioma, kanser paru-paru dan asbestosis," katanya pada program tersebut.

Yang turut hadir Pengarah Urusan Eco24, Kiyotaka Osada; Pengarah Urusan UMP Holdings Sdn. Bhd., Syed Mohamad Hamzah Al-

Junid Syed Abdul Rahman; Ketua Program (Pasca-siswazah) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP, Dr. Daing Mohamad Nafiz Daing Idris; Pegawai Pendidikan Daerah Pekan, Dr. Tajuddin Mohd. Yunus; Guru Besar SK Indera Shahbandar, Mohammad Ismail dan wakil Japan International Cooperation Agency Malaysia, Yukiyasu Sumi.

Sempena program CSR itu, peserta turut bergotong-royong membersihkan kawasan sekolah manakala murid sekolah berkenaan berpeluang mengikuti program InSmartive dan bengkel permainan catur yang dikendalikan staf dan mahasiswa UMP bertujuan meningkatkan kebolehan mereka berbahasa Inggeris serta permainan berkenaan.